

Dr.MwakilkeupacarapengebumianThatcher
Utusan Online
16 APRIL 2013

KUALA LUMPUR 15 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan mewakili Malaysia ke upacara pengebumian bekas Perdana Menteri Britain, Baroness Margaret Thatcher atau Margaret Thatcher pada 17 April ini.

Wisma Putra dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, penyertaan Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dalam upacara tersebut juga kerana memenuhi jemputan daripada kerajaan negara itu.

Kenyataan tersebut turut memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menamakan Dr. Mahathir untuk menyertai upacara itu yang akan diadakan di St. Paul's Cathedral, London.

"Kedua-dua tokoh negara ini akan menyertai personaliti-personaliti terkemuka antarabangsa yang lain bagi memberi penghormatan terakhir kepada Perdana Menteri wanita Britain yang pertama itu," kata kenyataan itu lagi.

Thatcher, 87, yang pernah menerajui Britain pada 1979 hingga 1990 meninggal dunia pada 8 April lalu akibat menghidap angin ahmar.

Britain semasa era pemerintahan mendiang Thatcher mempunyai hubungan yang cukup erat dengan Malaysia yang ketika itu dipimpin oleh Dr. Mahathir.

Keakraban dua pemimpin itu sekali gus berjaya membentuk hubungan dua hala yang kukuh antara kedua negara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130416/dn_05/Dr-M-wakil-ke-upacara-pengebumian-Thatcher#ixzz2ZzC9Du7E

© Utusan Melayu (M) Bhd